



## **NOTA PERCAKAPAN**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM LAWATAN TURUN PADANG**

**PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL**

**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)  
WAKTU: 5.00 PETANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

1. Kementerian Wilayah Persekutuan juga telah diperuntukkan sebanyak RM27.4 juta dibawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA). Program PEMERKASA yang telah diumumkan pada 17 Mac 2021 adalah inisiatif Kerajaan yang menumpukan kepada strategi bagi pemulihan ekonomi yang mampan.
2. Peruntukan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan ini adalah bagi dua fokus utama di bawah PEMERKASA iaitu:
  - (i) Inisiatif 4: Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Seluruh Negara; dan
  - (ii) Inisiatif 16: Menambahbaik Program Bantuan Rentan Bandar Kecil Seluruh Negara.
3. Program-program Kementerian Wilayah Persekutuan yang dilaksanakan di bawah PEMERKASA termasuk skop-skop Penyelenggaran Perumahan Strata Kos Rendah dan Sederhana Rendah (contohnya: projek kerja-kerja mengelat semula bangunan, membaiki/ mengganti kerosakan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang melibatkan harta bersama (*common property*) dan membina pagar).
4. Bagi projek-projek dibawah penyelenggaraan perumahan, ia dilaksanakan sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebanyak 26 projek yang berjumlah RM15 juta dan juga Perbadanan Labuan (PL) sebanyak 13 projek yang berjumlah RM5 juta.

5. Hari ini kita melihat kemajuan salah satu daripada contoh projek yang dilaksanakan oleh DBKL di Perumahan Awam Seri Terengganu ini iaitu projek baikpulih railing tangga, mengganti penutup longkang serta awning dan kerja-kerja elektrik adalah antara fokus untuk menyelenggara dan baikpulih kerosakan infrastruktur awam di Perumahan Awam (PA), Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Swasta Kos Rendah dan Sederhana Rendah.
6. Selain itu, sehingga hari ini juga DBKL telah melaksanakan sekurangkurangnya 25% kemajuan kerja secara keseluruhan bagi 26 projek yang dimaksudkan dan telah membelanjakan sebanyak RM8 juta daripada RM15 juta peruntukan sejak tarikh mula projek iaitu 19 Julai 2021. Inshaa Allah, sasaran bagi keseluruhan projek-projek ini akan berjaya diselesaikan pada November 2021.
7. Dengan adanya inisiatif perlaksanaan projek-projek kecil dan PEMERKASA ini, Kementerian berharap akan memberi keselesaan khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Kementerian dan sewajarnya ia dipelihara atau dijaga dengan sebaik-baiknya.